



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Akhbar

3 Februari 2022

CAMPUR TANGAN KERAJAAN UNTUK STABILKAN HARGA DIALU-ALUKAN TETAPI PERGANTUNGAN KEPADA IMPORT PERLU DIKURANGKAN

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk bertindak menstabilkan harga barangan seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Majlis Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 31 Januari 2022.

CAP turut hadir di dalam mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan diberi ruang untuk menyampaikan pandangan di dalam mesyuarat tersebut.

Kami menyambut baik keputusan kerajaan menetapkan harga siling runcit ayam pada harga RM8.90 di Semenanjung walaupun Kerajaan terpaksa menyediakan subsidi bagi menampung harga tersebut untuk pengguna.

Oleh yang demikian kami berpandangan positif terhadap keputusan kerajaan mengekalkan harga telur gred A, B dan C pada harga Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) terkini.

Kami berpendapat kerajaan perlu memantau dan menerima aduan dari pengguna jika didapati peniaga menaikkan harga. Manakala pengguna perlu menggunakan saluran yang betul apabila mendedahkan terdapat peniaga yang cuba meraih keuntungan berlebihan.

Kami menyokong ketegasan dan campur tangan kerajaan walaupun pihak penternak meminta harga ayam di ladang dinaikkan yang pastinya mempengaruhi harga pasaran sehingga mencecah melebihi RM10.00 sekilogram.

Kami berpendapat kerajaan perlu melihat secara serius keperluan mewujudkan pengeluaran makanan ternakan di dalam negeri untuk mengekang isu input makanan haiwan dari luar negara yang mahal.

Kami juga berpendapat dengan membenarkan pihak Hypermarket mengimport ayam bulat dari negara luar dengan syarat pematuhan terutama dari segi halal dan kesegaran serta kebersihan adalah langkah jangka pendek. Namun pendekatan yang terbaik adalah untuk memperkukuhkan pengeluaran dalam negara secara lestari.

Kami bersetuju dengan tindakan kerajaan mengarahkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC), sebuah agensi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk melaksanakan kajian dan siasatan berterusan agar tidak wujud kartel harga serta manipulasi orang tengah dalam industri pengeluaran dan bekalan ayam.

Pihak berkuasa yang berkenaan perlu menyegerakan penyelidikan berkenaan alternatif makanan ayam

supaya negara tidak diancam dengan harga jagung, soya dan ubat-ubatan yang sekarang ini 100% diimport dari negara luar.

Kami menyarankan agar pihak kerajaan benar-benar menilai kembali penggunaan tanah dengan memberi penekanan kepada soal pengeluaran makanan asas. Pergantungan kepada import makanan dari luar negara harus diatasi dengan segera.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang